

TARIKH	27 /12 /2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	Negara

## Keluar duit KWSP tunai haji mulai 1 Januari



AHLI yang layak boleh mengunjungi mana-mana cawangan KWSP untuk membuat permohonan pengeluaran haji. – Gambar hiasan

**KUALA LUMPUR** – Para pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang beragama Islam boleh mengeluarkan simpanan mereka daripada Akaun 2 sehingga RM3,000 bagi membiayai kos menunaikan ibadah haji berkuat kuasa pada 1 Januari tahun depan.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi KWSP, Datuk Ibrahim Taib berkata, ahli KWSP yang layak membuat pengeluaran haji mestilah berusia kurang daripada 55 tahun dan telah menerima surat tawaran untuk menunaikan haji daripada Lembaga Tabung Haji (LTH).

Beliau bagaimanapun berkata, pengeluaran wang daripada Akaun 2 itu hanya boleh dibuat sekali seumur hidup dan hanya layak bagi mereka yang tidak mempunyai simpanan yang cukup di LTH.

"Ahli yang layak boleh mengunjungi mana-mana cawangan KWSP untuk membuat permohonan dengan mengemukakan kad pengenalan, surat tawaran LTH dan buku simpanan LTH yang telah dikemas kini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Untuk maklumat lanjut, ahli KWSP yang berminat boleh melayari laman web myEPF di [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) atau menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian **03-8922600**.